

TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN
PERDANA MENTERI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PROGRAM
PERLINDUNGAN SAKSI TAHUN 2023
PADA 14 JUN 2023 (RABU)
DI HOTEL MAGELLAN, KOTA KINABALU, SABAH

Terima kasih Tuan dan Puan Pengacara Majlis,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

YDH DIG Tan Sri Razarudin bin Husain,
Timbalan Ketua Polis Negeri Negara

YDH CP Datuk Jauteh Dikun,
Pesuruhjaya Polis Sabah

YDH SAC Mat Zani @ Mohd Salahuddin bin Che Ali,
Timbalan Ketua Pengarah,
Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri

Warga Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah, Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan di Sabah serta para peserta Seminar.

YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian YDH Tan Sri DIG hadir ke sesi Seminar Program Perlindungan Saksi Tahun 2023 di Hotel Magellan, Kota Kinabalu, Sabah pada hari ini dan sekali gus akan merasmikan program kami sebentar lagi.

3. Saya mewakili semua warga kerja Bahagian Perlindungan JPM mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada semua peserta Smeinar Program Perlindungan Saksi Tahun 2023 pada hari ini khususnya daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Semoga kerjasama antara Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri dengan agensi-agensi Kerajaan seperti ini dapat dipereratkan dan diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

4. Untuk makluman, Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) yang dahulunya dikenali sebagai Unit Perlindungan Saksi (UPS) bertanggungjawab untuk melaksanakan program perlindungan saksi selaras dengan pewartaan Akta Perlindungan Saksi (Akta 696) pada 30 April 2009. Akta 696 ini telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Mac 2009 dan di Dewan Negara pada 8 April 2009. Akta tersebut telah diwartakan pada 30 April 2009. UPS telah ditubuhkan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2010 [P.U.(A) 19/2020] bertarikh 28 Januari 2010 sebagai sebuah Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

5. Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) digubal bagi mewujudkan Program Perlindungan Saksi yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah bagi menangani gejala ugutan dan ancaman kepada

saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat terutamanya kes jenayah terancang/bersindiket dan melibatkan kepentingan awam.

6. Asas kepada perlindungan saksi adalah kerahsiaan di dalam pentadbiran, operasi, data dan lain-lain. Kerahsiaan ini bagi menjamin keselamatan saksi yang dilindungi. Agensi pelindung (BPJPM) mestilah dipisahkan dari agensi penyiasatan dan pendakwaan (PDRM, Imigresen, Kastam, JPJ, SPRM dan sebagainya) bagi mengelakkan terdapatnya *conflict of interest*. Sekiranya saksi diletakkan di bawah agensi yang sama dengan agensi penyiasatan dan pendakwaan, akan wujud persepsi bahawa saksi terpaksa bekerjasama dan mengikut apa sahaja kemahuan penyiasat dan pendakwa demi untuk mendapatkan perlindungan.

7. Melalui sesi Seminar ini, diharapkan ia menjadi satu platform yang mampu meningkatkan pemahaman, pengetahuan dan menggalakkan permohonan baharu sekiranya terdapat keperluan selaku agensi penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah Akta 696 untuk memohon agar saksi dimasukkan ke dalam Program Perlindungan Saksi. Program Seminar sebegini merupakan antara program utama BPJPM setiap tahun dan pada tahun 2022 yang lepas telah diadakan dengan jayanya di negeri Sarawak dan Kedah.

8. Akhir kata, saya memohon ribuan kemaafan sekiranya terdapat pelbagai kekurangan dan kelemahan di pihak kami sebagai penganjur dan semoga kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan dua rangkap pantun:

Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita;
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara;
Baliklah tuan membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Wahidayah Wassalamualaikum Warahmatuillahi
Wabarakatuh.